

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEGAMAT



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN XXXX
KM 1, JALAN YONG PENG, 85400 CHAAH, SEGAMAT, JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

Ogos

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi **15** halaman bercetak

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu.

- Raja
- Undang-undang
- Wilayah Pengaruh
- X

Apakah X?

- A Rakyat
- B Kedaulatan
- C Lambang Kebesaran
- D Sistem Pemerintahan

- 2 Hubungan secara timbal balik antara pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah selaras dengan konsep **waadat**.

Apakah maksud **waadat**?

- A Titah
- B Tulah
- C Murka
- D Perjanjian

- 3 Nasionalisme di Vietnam muncul akibat perubahan sosiopolitik dan sosioekonomi lepas kedatangan Perancis.

Apakah akhbar yang digunakan sebagai medium penentangan terhadap Perancis?

- I Kalayan
- II El-filibusterismo
- III Tribune Indige
- IV Cloche Felee
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Tokoh berikut mencetuskan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu.

- Abdul Rahim Kajai
- Harun Aminurrashid

Apakah medium yang digunakan untuk menyampaikan idea tersebut?

- I Penubuhan madrasah
- II Novel
- III Cerpen
- IV Gerakan Islah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 5 Selepas Perang Dunia Kedua diisytiharkan, Jerman memulakan serangan bagi menakluki negara di Eropah Barat.

Apakah nama serangan tersebut ?

- A Blitzkrieg
- B Barbarossa
- C Normandy
- D D-Day

- 6 Berikut adalah gambar mata wang Jepun yang dikenali sebagai “wang pokok pisang”.



Apakah kesan penggunaan mata wang tersebut?

- A Memajukan ekonomi
- B Menurunkan harga barangan
- C Meningkatkan taraf hidup
- D Menyebabkan inflasi

[Lihat halaman sebelah
SULIT

7 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menzahirkan penentangan terhadap Malayan Union?

- A Menghantar surat bantahan
- B Mengadakan kongres Melayu
- C Menganjurkan rapat umum
- D Menyertai tunjuk perasaan

8 Pada tahun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British untuk menyerahkan Sabah menjadi tanah jajahan British.

Mengapakah SBUB bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British?

- A Desakan kerajaan British
- B Perebutan kuasa pemerintahan
- C Masalah pewarisan takhta kerajaan
- D Kekurangan dana untuk membangunkan Sabah

9 Berikut adalah pegawai British yang menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Sir Edward Gent
- Malcom MacDonald
- Sir Ralph Hone

Mengapakah mereka menyokong?

- I Mewujudkan keamanan
 - II Mengukuhkan kedudukan British
 - III Malayan Union bersifat menindas
 - IV Kestabilan dan kemajuan ekonomi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 10** Salah satu ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah status kewarganegaraan.

Antara berikut yang manakah syarat kewarganegaraan secara pendaftaran?

- I** Taat kepada raja
- II** Keturunan Melayu
- III** Tiada rekod jenayah
- IV** Tingkah laku yang baik
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 11** Sasaran utama serangan komunis ialah kawasan ladang getah dan lombong bijih timah. Mengapakah pihak komunis bertindak sedemikian?

- A** Mewujudkan jurang ekonomi
- B** Meningkatkan kadar kemiskinan
- C** Mengganggu aktiviti harian masyarakat
- D** Melemahkan kedudukan ekonomi British

- 12** British telah memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan Persekutuan Tanah Melayu pada 23 Julai 1948. Mengapakah penggunaan kad tersebut diperkenalkan?


- A** Memudahkan edaran makanan kepada penduduk
- B** Membezakan orang awam dengan komunis
- C** Mengenal pasti penduduk Kampung Baru
- D** Memujuk anggota komunis menyerah diri

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha ke arah kemerdekaan.

Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)
pada Januari 1949.

Apakah cadangan jawatankuasa tersebut untuk mencapai objektifnya?


- A Mewujudkan kerjasama politik
 - B Melonggarkan kewarganegara
 - C Mengekalkan sekolah vernakular
 - D Memberikan hak sama rata antara kaum
- 14 Gambar berikut menunjukkan logo yang digunakan oleh Parti Perikatan pada tahun 1954.



Mengapakah logo tersebut dipilih?

- A Kehebatan melantik pemimpin
- B Kemampuan membentuk negara
- C Kesediaan menempuh cabaran
- D Kesedaran memerintah sendiri

- 15 Rajah berikut menunjukkan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah X?

- A Penyata bentuk Pilihan Raya dikeluarkan
 - B Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk
 - C Pelaksanaan pendaftaran pengundi
 - D Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan
- 16 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955.
Apakah peranan kabinet tersebut?

- A Menggalakkan pelaburan asing
- B Mengurangkan kuasa British
- C Menganggotai badan PBB
- D Memulihkan ekonomi negara

- 17 Maklumat berikut berkaitan memorandum Suruhanjaya Perlembagaan PTM.

Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan

Pihak manakah yang menghantar memorandum tersebut?

- A UMNO
- B Parti PAS
- C Parti Negara
- D Raja-raja Melayu


- 18 Pernyataan berikut merujuk kepada jenis kerakyatan dalam Perjanjian Persekutuan 1957.

- Penguatkuasaan Undang-undang
- Memohon didaftarkan sebagai rakyat
- X

Apakah X?

- A Naturalisasi
- B Kerakyatan Jus Soli
- C Perkenan Raja-raja Melayu
- D Kelulusan Dewan Undangan Negeri

- 19 Apakah perjuangan tokoh berikut terhadap pembebasan rakyat India.



Mahatma Gandhi

- A Penindasan kerajaan
 - B Penindasan kasta
 - C Persamaan kaum
 - D Perbezaan kerja
- 20 Apakah tujuan pengenalan Rancangan Buku Merah pada tahun 1961 selepas negara mencapai kemerdekaan?
- A Mengawal kemasukan imigran luar
 - B Menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan
 - C Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan
 - D Memantau kecekapan pengurusan Syarikat

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 21 Kedaulatan berasal daripada perkataan Arab ‘daulah’ yang bermaksud..
- A Kuasa tertinggi
 - B Negara bebas dan merdeka
 - C Kuasa pemerintahan sesebuah negara
 - D Negara berkuasa penuh dalam pemerintahan
- 22 Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut?
- A Memperkenalkan Rukun Negara
 - B Membangunkan kawasan bandar
 - C Meningkatkan jalinan hubungan luar
 - D Memperkenalkan dasar pembangunan ekonomi
- 23 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuatkuasa pada 31 Ogos 1957. Apakah pihak yang menggubal perlembagaan tersebut?
- A Parti Perikatan
 - B Suruhanjaya Reid
 - C Parlimen England
 - D Majlis Raja-raja Melayu
- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan kedudukan orang Melayu dan bumiputera.
- Kedudukan Istimewa orang Melayu
 - Kedudukan Istimewa bumiputera Sarawak dan Sabah
 - Kepentingan sah kaum lain
- Siapakah yang bertanggungjawab memelihara kedudukan rakyat selepas kemerdekaan?
- A Kerajaan Negeri
 - B Kerajaan Persekutuan
 - C Yang di-Pertuan Agong
 - D Majlis Raja-Raja Melayu

25 Mengapakah Majlis Raja-raja dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948 dianggap eksklusif untuk Raja-raja Melayu?

- A Penyertaan raja berkuasa mutlak
- B Pesuruhjaya British sebagai pengerusi
- C Penglibatan pegawai kanan British sebagai ahli
- D Pengendalian sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu


26 Maklumat berikut berkaitan dengan kebebasan asasi di Malaysia.

Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia.

Mengapakah perlunya sekatan tertentu terhadap kebebasan asasi?

- A Menjamin pengekalan ciri demokrasi
- B Memastikan ketaatan rakyat terhadap negara
- C Menjamin ketenteraman dan kesejahteraan negara
- D Memastikan kemakmuran ekonomi negara berterusan

27 Gambar di bawah menunjukkan Raja-raja Melayu selepas menandatangani perjanjian penstrukturan semula Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1927.



Mengapakah perjanjian itu ditandatangani?

- A Memajukan ekonomi
- B Membentuk Persekutuan
- C Mengukuhkan kedudukan British
- D Mengekalkan kedaulatan Raja- Raja Melayu

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 28 Pada peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri tertumpu pada Pembangunan *In-Situ*. Apakah yang diberikan penekanan dalam program *In-Situ*?
- A Pengukuhan pertahanan
 - B Pembangunan fizikal desa
 - C Pembangunan tanah Baharu
 - D Perkembangan perdagangan
- 29 Cadangan pembentukan Malaysia mendapat tentangan daripada segolongan penduduk di Singapura. Mengapakah Barisan Sosialis di Singapura menentang pembentukan Malaysia?
- A Menjejaskan perpaduan kaum
 - B Bimbang kepentingan rakyat terancam
 - C Menganggapnya sebagai penjajahan Baharu
 - D Ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu
- 30 Gambar berikut menunjukkan Dr. Ismail Abdul Rahman. Beliau membentangkan aduan berkaitan isu konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia



Apakah pendekatan yang digunakan oleh Malaysia dalam menangani isu tersebut?

- A Provokasi
- B Autokrasi
- C Diplomasi
- D Demokrasi

- 31 Pada 9 Ogos 1965, Parlimen Malaysia meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.

Apakah faktor yang membawa kepada pemisahan tersebut?

- I Isu hak sama rata
- II Pengaruh fahaman komunis
- III Pertukaran pucuk kepimpinan
- IV Masalah hubungan antara pemimpin
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan isu yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia.

- Peluang pekerjaan meningkat
- Kadar pengangguran meningkat

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?


- A Mendapatkan bantuan negara lain
- B Mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing
- C Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk
- D Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal

- 33 Rukun Negara yang merupakan ideologi negara dibentuk dan diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.

Apakah pihak yang berperanan menggubal Rukun Negara?

- A Jabatan Pendaftaran Negara
- B Majlis Muhibbah Negara
- C Jabatan Perpaduan Negara
- D Jabatan Perundangan Negara

- 34 Berikut merupakan logo Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



Bagaimanakah DBP berperanan memartabatkan Bahasa Kebangsaan?

- A Menggubal akta
 - B Menerbitkan buku
 - C Menubuhkan institusi pendidikan
 - D Menubuhkan sekolah menengah kebangsaan
- 35 Pada 20 Disember 1974, Tun Abdul Razak melancarkan Rancangan Buku Hijau. Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?
- A Memajukan kawasan luar bandar
 - B Meningkatkan pendapatan rakyat
 - C Mempelbagaikan aktiviti ekonomi
 - D Meningkatkan eksport komoditi negara
- 36 Di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN), kerajaan berusaha menggalakkan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden. Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan?
- I Mempromosikan hasil
 - II Membekalkan pekerja asing
 - III Menyediakan kemudahan modal
 - IV Memberikan pendedahan teknologi baharu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37 Antara berikut, faktor manakah yang mempengaruhi penggubalan Dasar Luar Malaysia?

- I Persekitaran luar
- II Kehendak rakyat
- III Persaingan politik
- IV Keperluan nasional
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


38 Jadual berikut berkaitan dengan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Tahun	1971
Tempat	Kuala Lumpur
Peristiwa	Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean

Apakah keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut?

- A Pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)
- B Pengisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
- C Pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RESCAM)
- D Penubuhan gagasan Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO)

39 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pertubuhan di Malaysia.



Apakah X?

- A Aman Palestin
- B Cinta Gaza Malaysia
- C Muslim Care Malaysia
- D Majlis Perundingan Pertubuhan Malaysia

[Lihat halaman sebelah
SULIT

40	Senarai berikut berkaitan strategi jangka Panjang Malaysia menuju masa depan. • Komuniti ASEAN • Zon Bebas Nuklear • Keselamatan makanan Apakah matlamat strategi tersebut?	
	A	Menghapuskan pengganas
	B	Memantapkan hubungan politik
	C	Menjamin kesejahteraan rakyat
	D	Mengukuhkan pertahanan negara

KERTAS SOALAN TAMAT